

JAWAPAN KBAT UMUM

POLITIK/PENTADBIRAN NEGARA	EKONOMI	SOSIAL/MASYARAKAT
Mewujudkan politik yang stabil	Meningkatkan ekonomi negara	Memupuk semangat perpaduan
Mewujudkan keamanan negara	Menarik pelabur asing melabur di negara kita	Memupuk semangat patriotisme/ nasionalisme
Menjamin keselamatan negara	Menarik pelancong asing melancong di negara kita	Masyarakat bersatu mempertahankan negara
Melicinkan sistem pentadbiran	Menguasai teknologi maklumat	Tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar
Menjalinkan hubungan diplomatik	Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan	Mengelakkan pergaduhan daripada berlaku
Menjamin kedaulatan negara	Meningkatkan taraf hidup masyarakat	Rakyat mematuhi undang-undang
Menghormati kedaulatan negara lain	Memajukan tanah-tanah terbiar	Melahirkan masyarakat yang berdisiplin
Menjalinkan hubungan diplomatik	Menyediakan kemudahan infrastruktur	Mengamalkan prinsip Rukun Negara
Berbaik-baik dengan negara jiran	Menjalankan perdagangan import dan eksport	Mengurangkan masalah jenayah
Negara lain tidak campur tangan dalam politik negara	Bersaing dengan negara lain	Menjaga keharmonian masyarakat
Meningkatkan imej negara	Meningkatkan pendapatan negara	Rakyat berbilang kaum saling hormat - menghormati
Menguatkuasa undang-undang negara	Menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara luar	Hak kebebasan bersuara
Penguatkuasaan kuasa raja	Membasmi kemiskinan	Pendidikan membentuk masyarakat berilmu
Kebijaksanaan pemimpin mengatur strategi	Merapatkan jurang ekonomi antara kaum	Melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif
Tidak membocorkan rahsia negara	Kaya dengan bahan mentah	Rakyat bekerjasama membangunkan negara
Mengambil berat kebajikan rakyat	Terletak di laluan perdagangan	Mengukuhkan persefahaman dan kesejahteraan
Raja sebagai pelindung rakyat	Memajukan kegiatan pertanian	Memperjuangkan hak semua kaum
Pemimpin mendahulukan kebajikan rakyat		

CONTOH SOALAN:

1) Bagaimanakah cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang?

Cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang ialah **dengan cara rakyat mematuhi undang-undang negara**. Hal ini kerana undang-undang dapat **menjaga keharmonian masyarakat**. Kesannya, kita dapat **membentuk masyarakat yang berdisiplin tinggi**. Kesimpulannya, **rakyat perlu mematuhi prinsip Rukun Negara agar negara aman dan harmoni**.